

Nasional

Penularan COVID-19

'Tak mahu lari masuk hutan lagi'

Penduduk Kampung Orang Asli Berasau ambil tindakan perketat SOP

Oleh Adnan Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kluang: Seramai 63 penduduk daripada 17 keluarga di Kampung Orang Asli Berasau tidak mahu lagi melarikan diri ke dalam hutan kerana yakin penempatan mereka terhindar daripada wabak COVID-19 selepas beberapa prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan, selain kedudukan kampung itu agak jauh dari pusat tumpuan masyarakat di Pekan Kahang dekat sini.

Sebelum ini, penduduk terbabit pernah melarikan diri sejauh kira-kira 10 kilometer ke dalam hutan ketika penularan wabak itu pada Mac lalu atas alasan bimbang dijangkiti.

Tok Batin Kampung Orang Asli Berasau, Sari Achu, berkata penduduk juga dilihat sudah serasi dengan cara kehidupan norma baharu yang ditetapkan kerajaan, selain syarat untuk pergerakan keluar masuk ke kampung itu kepada setiap penduduknya mahupun pelawat.

Beliau berkata, melarikan diri



“Apa yang kami lakukan sekarang adalah memperketatkan SOP keluar masuk ke dalam kampung ini dengan membenarkan hanya mereka yang tidak bergejala saja masuk, selain mematuhi penjarakan fizikal serta menggunakan pelitup muka”

Sari Achu, Tok Batin Kampung Orang Asli Berasau



Penduduk Kampung Orang Asli Berasau bersantai bersama keluarga di kediaman masing-masing kini sudah serasi dengan cara kehidupan norma baharu yang ditetapkan kerajaan. (Foto Adnan Ibrahim/BH)

jauh ke dalam hutan adalah satu tindakan sia-sia kerana selain menyusahkan penduduk, ia juga menyukarkan pasukan keselamatan menyalurkan bantuan kepada mereka.

“Apa yang kami lakukan sekarang adalah memperketatkan SOP keluar masuk ke dalam kampung ini dengan membenarkan hanya mereka yang tidak bergejala saja masuk, selain mematuhi penjarakan fizikal serta menggunakan pelitup muka.

“Bagi penduduk di dalam kam-

pung ini yang ingin keluar mendapatkan bekalan makanan harian di Pekan Kahang, hanya seorang daripada setiap keluarga dibenarkan keluar, selain disyaratkan membersihkan diri terlebih dulu sebelum dibenarkan pulang ke rumah masing-masing,” katanya ketika ditemui di kediamannya, semalam.

Sari berkata, walaupun ia dilihat sebagai menyusahkan, tindakan ini dilakukan semata-mata bagi memastikan jangkitan tidak memasuki kampung berkenaan.

“Melihat kepada peningkatan kes baharu yang dilaporkan memang amat membimbangkan, namun yakin dengan apa yang diamalkan ketika ini pasti akan membolehkan kampung kami terhindar daripada wabak berkenaan.

“Bagaimanapun, langkah berjaga-jaga tetap dilakukan kerana tidak mahu alpa untuk mematuhi SOP yang akan menyebabkan penduduk menderita apabila ia menular ke penempatan kami,” katanya.